

# Shamsiah Fakeh: A Nationalist or a Communist?

*Ramlah Adam*

## Abstract

*Shamsiah Fakeh was a well-known personality in the radical and leftist movement before Malaysia's independence in 1957. She was formerly the leader of AWAS (Angkatan Wanita Sedar), a women's wing of the Malay Nationalist Party (MNP), or better known as Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). As a leader of the radical group, Shamsiah supported the cooperation of MNP and the Malayan Communist Party (MCP) in their struggles to overthrow the British imperialism in the Federation of Malaya or Persekutuan Tanah Melayu. After the Federation independence in 1957, they continued to struggle with the reason that the British controlled the affairs of the country. The formation of Malaysia in 1963 gave them another reason to go against the government, where they agreed with the President Sukarno and the Communist Party of Indonesia that Malaysia was a form of neo-colonialism. They worked together with the opposition parties in Malaysia to attack the formulation of Malaysia. They failed in their efforts and struggle but with time and in order to clear their names as communists, they tried to rewrite the history of Malaysia. In their memoirs and books, some of the communist leaders such as Shamsiah Fakeh, Rashid Maidin, Chin, Abdullah C.D. and Suraini Abdullah painted and explained the history differently. They started to call themselves the freedom fighters of the Malaysian Independence and in that view, they consider themselves as nationalists. Question is, are they really nationalists in the right sense of the word? Or did they twist history in order to be the unsung heroes of Malaysia? This paper intends to show the facts of history including their past involvements in the communist struggle to take over this country between 1945-1989 before the Peace Agreement between the Malaysian government and the Malayan Communist Party in Hatyai, Thailand. The people, especially the younger generation may be indifferent or ignorant of the past, but the facts of history are always there to be researched and to be told. Shamsiah Fakeh will be the focus of that argument.*

**Keywords:** *Shamsiah Fakeh, history, Malaysia, Malaya, communist, colonialism*

## Pengenalan

Shamsiah Fakeh - seorang nasionalis atau seorang komunis? Namanya tidak asing lagi kepada peminat dan pengkaji sejarah politik negara. Pemergiannya pada 20 Oktober 2008 lalu adalah pemergian seorang aktivis politik yang mempunyai pelbagai liku dan warna corak politiknya. Ada pihak yang menganggapnya sebagai nasionalis dan ada juga yang menganggapnya penderhaka negara. Yang mana satu benar? Mungkin fakta sejarah dan interpretasi yang berdasarkan fakta sejarah yang berdasarkan dokumen dan penglibatannya yang sebenar dapat menjernekan keadaan dan membetulkan perspektif.

## **Kegiatan Politik**

Shamsiah dilahirkan di Negeri Sembilan dan mendapat pendidikan agama di Sekolah Tinggi Agama di Padang, Sumatra. Beliau kemudian melibatkan diri dalam politik setelah terpengaruh dengan kegiatan menentang Belanda di Padang, Sumatra di sekitar 1940an. Kegiatan menentang Belanda memang merupakan kegiatan anak negeri menentang penjajahan impirealis barat yang telah berlaku sejak awal kurun ke-19. Di Sumatera Utara, telah berlaku satu perjuangan menentang Belanda yang amat panjang yang dikenali sebagai Perang Paderi yang berlangsung selama beberapa dekad; dengan ini asas kebencian kepada Belanda memang telah mendarah daging dalam masyarakat Minangkabau. Gerakan membebaskan Sumatera dari penjajahan Belanda pada 1940an adalah sambungan gerakan tersebut. Maka sesiapa sahaja yang belajar di tanah kandung keluarga mereka tidak akan terlepas daripada semangat itu. Inilah yang berlaku kepada Shamsiah Fakeh, Aishah Ghani, Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Ahmad Boestamam dan Khadijah Sidek, iaitu di antara nama-nama tersohor yang berasal daripada daerah tersebut tetapi menjadikan Semenanjung Tanah Melayu sebagai tapak kegiatan politik mereka. Oleh itu setiap kegiatan politik mereka berteraskan kehebatan dan keagungan Sumatera dan kemudiannya Indonesia atau Indonesia Raya (Ahmad Boestamam,1978; Cheah,1984).

Shamsiah Fakeh telah menggantikan Aishah Ghani, kawan sepengajiannya di Sumatera sebagai Ketua AWAS (Angkatan Wanita Sedar) iaitu sayap wanita Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) atau Malay Nationalist Party. Parti ini telah ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya melalui Arshaad Ashaari, Bendahari Parti Komunis Malaya dan Mokhtaruddin Lasso. Keduanya menyamar sebagai nasionalis Melayu. Beliau yang telah mengambil alih Suara Rakyat, akhbar yang dikendalikan oleh Ahmad Boestamam di Ipoh, telah mencadangkan penubuhan Parti Sosialis Malaya untuk menjadi wadah perjuangan orang Melayu menentang British. Ini

dibantah oleh Ahmad Boestamam yang bimbang penolakan orang Melayu yang terkenal dengan sikap konservatif dan masih percaya kepada institusi raja Melayu. Maka dinamakan PKMM supaya ia benar-benar dapat dilihat sebagai parti yang memperjuangkan kepentingan orang Melayu (Ahmad Boestamam,1972; Rashid Maidin, 2005). Presidennya adalah Mokhtaruddin Lasso, seorang ahli Parti Komunis Indonesia, yang telah datang ke Tanah Melayu untuk menyebarkan fahaman Komunis di kalangan orang Melayu. (Mohamed Salleh Lamry, 2006). Dengan menguasai pentadbiran ketenteraan Tanah Melayu selama 13 hari selepas penyerahan Jepun pada akhir 1945 (Cheah,1983), Parti Komunis Malaya membuat perancangan untuk meluaskan fahaman Komunis dengan arahan Komunis Comintern Antarabangsa. Parti Komunis Malaya dibawah Setia Usaha Agungnya, Chin Peng, telah merancang kegiatan politik mereka selepas menggantikan Loi Tek, yang dikatakan belot dan melarikan wang parti (Aloysius Chin,1994). Bagi PKM, Tanah Melayu mahu dijadikan sebagai jajahan ke-20 Republik Rakyat China Komunis. Ini memang tertulis dalam dokumen-dokumen komunis yang dijumpai dalam kubu-kubu kegiatan PKM di hutan-hutan Tanah Melayu (ibid).

Penyerapan PKM dalam masyarakat Melayu dan India dijalankan dalam satu dasar yang dikenali sebagai *United Front* yang telah diputuskan dalam *Seventh World Conference of the Communist International*, yang diadakan di Moscow pada bulan Julai 1935 (ibid). Dalam dasar ini, pejuang-pejuang Komunis dikehendaki bekerjasama dengan organisasi atau pihak-pihak bukan Komunis di serata dunia demi untuk menentang pengaruh fasis dan imperialis. Dengan itu, Parti Komunis Malaya, telah menjalankan dasar terbaik-baik dengan pertubuhan-pertubuhan pekerja, pemuda, wanita dan badan-badan bukan politik dan masyarakat Melayu dan India demi untuk meluaskan pengaruhnya. Antara caranya ialah membantu menerbitkan akhbar dan menubuhkan parti politik untuk tujuan tersebut. Inilah langkah pertama yang dibuat oleh PKM apabila menubuhkan Parti

Kebangsaan Melayu dan menerbitkan akhbar *Suara Rakyat* sebagai media menyampaikan pemikiran dan propaganda mereka. Mereka juga memasuki dan bekerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan politik yang lain yang bermatlamat sama untuk menjatuhkan British dan UMNO. Rashid Maidin mengaku gerakan itu sebagai gerakan politik PKM untuk mempengaruhi pemikiran orang Melayu. Melalui akhbar-akhbar itu, sambutan orang ramai terhadap perhimpunan-perhimpunan yang diadakan adalah sangat memuaskan (Rashid Maidin, 2005).

Dalam masa yang sama juga mereka melakukan kegiatan masuk kampung membuat penyamaran dan bergaul dengan bebas di dalam masyarakat Melayu. Mereka hidup bergaul seperti abang dan adik, memakai pakaian Melayu, makan makanan Melayu dan ada yang berkahwin dengan perempuan Melayu. Pemimpin-pemimpin Melayu dalam PKM juga berkahwin dengan anggota wanita Cina PKM. Ini melahirkan satu keadaan yang amat menyakinkan tentang kerjasama itu sehingga segala batas bangsa dan agama tidak lagi menjadi penghalang kepada hubungan baik itu. Ini memudahkan PKM bergaul dan mendapat kepercayaan daripada masyarakat Melayu, terutama di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak didatangi oleh sesiapa pun. Malah, apabila kepercayaan telah didapati, anak-anak muda kampung terutamanya telah dipengaruhi untuk mengikuti kursus-kursus teori dan revolusi perjuangan Komunis menentang British di dalam sekolah-sekolah Komunis yang diadakan di dalam hutan-hutan yang berdekatan dengan perkampungan Melayu seperti di Kerdu, Pahang. Rashid Maidin, yang menghadiri sekolah seperti itu mengesahkan perkara itu. Sekolah itu dinamakan Sekolah Parti Kem Se-Malaya yang bertempat di hutan Lubuk Kawah, Temerloh, Pahang. (Rashid Maidin, 2005). Pada tahun 1960an sistem sekolah yang lebih teratur telah dibuat dan dinamakan *Lenin's School* atau *Party School* mengikut zon dan nombor (Aloysius Chin, 1994).

Kampung-kampung terpencil yang terletak di daerah pedalaman dan miskin kehidupan penduduknya menjadi tumpuan PKM. Hutan-hutan yang mengelilingi kampung-kampung tersebut memudahkan PKM keluar masuk kampung tanpa ada sekatan. Dengan itu, PKM bukan sahaja boleh mencari dan menyebarkan pengaruhnya dan melatih kader-kader Komunis, tetapi juga dapat bergerak bebas tanpa ada pengintipan dari pihak British. Wakil-wakil yang dilantik oleh PKM untuk menguasai sesuatu kawasan, dengan mudah mengabui mata masyarakat di situ dengan penyamarannya dan kegiatan-kegiatan politiknya. Misalnya, seorang pemimpin kanan PKM yang mengaku seorang Islam dan menggunakan nama Haji Hashim, bukan sahaja dapat bergerak bebas bergaul dengan masyarakat kampung tetapi juga dapat mencari anggota-anggota baru di kalangan orang Melayu bagi menyokong perjuangan PKM di atas nama kemerdekaan Tanah Melayu (Rashid Maidin, 2005; Cheah, 1983). Dia memang dipercayai oleh orang kampung sebagai seorang Islam dan sangat berbudi bahasa seperti seorang Melayu. Nama sebenarnya adalah Chong Yin Nam atau Chen Nan (Rashid Maidin, 2005). Dia menjadi penghubung PKM dengan penduduk kampung sehingga mereka sanggup bekerjasama dengan PKM dan menjadi anggota sayap yang ditubuhkan khas untuk mereka. Chong Yin Nam atau Haji Hashim ini tewas di tangan Pasukan Gurkha yang memburunya pada Januari 1950 (Lt.Col.(R) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, 2007).

Parti Komunis Malaya juga telah dapat meyakinkan orang Melayu bahawa perjuangan ini adalah satu perjuangan kemerdekaan menentang British. Pendudukan Jepun yang telah mendorong minat untuk membenci British dan menuntut kemerdekaan bersama Indonesia kepada sebilangan kecil orang Melayu, telah melihat gerakan PKM itu sebagai satu taktik untuk menentang British yang kembali semula ke Tanah Melayu secara ketenteraan. Inilah sahaja satu cara yang berkesan kerana British telahpun menerima UMNO sebagai rakannya dalam politik dan pentadbiran

Tanah Melayu. Tindakan British seterusnya adalah menarik semula Malayan Union dan menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu dengan mengekalkan semula Raja-raja Melayu, negeri Melayu dan orang Melayu sebagai pribumi. Parti Komunis Malaya dapat meyakinkan sekumpulan radikal atau kiri Melayu ini bahawa British, UMNO dan Raja-raja Melayu tidak bersifat progresif dan menolak penubuhan sebuah republik dan mengekalkan fuedalisme dalam pentadbiran dan politik Tanah Melayu. Rashid Maidin, ahli Parti Komunis Malaya, mengaku telah bergerak mempengaruhi orang Melayu supaya menuntut kemerdekaan di bawah PKM kerana UMNO dilihatnya tidak bergerak kearah kemerdekaan dan dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar (Rashid Maidin, 2005).

Dengan kerjasama itu, Parti Komunis Malaya telah menubuhkan satu regimen khas untuk orang Melayu yang dinamakan Regimen 10. Regimen ini diasaskan oleh PKM sebagai satu pasukan gerila menentang British dan UMNO. Antara mereka yang hadir untuk menubuhkannya pada bulan Mei 1949 adalah Abdullah C.D., Wahi Annuar, Musa Ahmad dan Chin Peng. Mereka bermesyuarat di hutan Kerdau, Pahang. Penggunaan nama 10 adalah sempena tarikh 10 Zulhijjah, iaitu Hari Raya Haji yang memberi tanda pengorbanan kepada sebuah perjuangan. Abdullah C.D, dilantik sebagai ketua dan Wahi Annuar sebagai timbalannya. Anggotanya dibenarkan memakai songkok sebagai tanda seorang Melayu (Aloysius Chin, 1994). Dalam pasukan inilah semua orang Melayu dikumpulkan dan diberi latihan ketenteraan dan teori-teori politik dan perjuangan Komunis di seluruh dunia bagi menegakkan hak rakyat dan kaum pekerja. Perasaan anti-British dan barat menjadi intinya. Pusat kegiatan mereka di sekitar Temerloh, Raub dan Kuala Lipis (Lt.Col.(R)Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, 2007).

Di Selangor juga keanggotaan Rejimen 10 telah dilaksanakan. Misalnya di Kg. Jenderam yang jauh terpencil dipendalaman, telah juga diadakan kegiatan yang sama oleh PKM. Seorang

responden wanita yang berumur 13 tahun di waktu itu telah menerangkan bahawa beliau dan pemuda-pemudi kampungnya telah mendapat latihan senjata dan kelas-kelas politik anti British pada setiap pagi dan petang dalam hutan berhampiran kampungnya. Dia juga bersekolah agama rakyat di Kampong Jenderam. Aishah Ghani juga dalam memoirnya mengaku semasa menjadi wartawan ruangan wanita **Pelita Malaya**, akhbar PKMM di Kuala Lumpur, telah tinggal seminggu di perkampungan Cina di Ampang, sedangkan Arshad Ashaari, Ahmad Boestamam dan beberapa pemimpin PKMM yang lain masuk ke dalam hutan dan hanya keluar seminggu selepas itu. Di pejabat akhbar tersebut Arshaad sentiasa mengagungkan Kominisme. Aishah meninggalkan PKMM untuk belajar dalam bidang kewartawanan di luar Negara (Aishah Ghani, 1992). Shamsiah Fakeh, yang menggantikan Aishah Ghani sebagai Ketua AWAS, kemudian berkahwin dengan Ahmad Boestamam, Ketua Pemuda API (Angkatan Pemuda Insaf). Ini bermakna terdapat hubungan dan kerjasama yang amat erat di antara PKM, PKMM, AWAS dan API sebagai satu pasukan politik yang mampan (Rashid Maidin, 2005). Dengan itu Shamsiah Fakeh tidak terkecuali dalam gerakan politik ini kerana beliau adalah pemimpin AWAS dan suaminya, Ahmad Boestamam adalah pemimpin API; induk bagi kedua-duanya dalam PKMM dan mentornya adalah Parti Komunis Malaya.

Parti Komunis Malaya juga bergerak di bandar-bandar besar sebagai medan kegiatannya. Singapura menjadi ibunya manakala Kuala Lumpur, Seremban, Ipoh dan Kuantan menjadi pusat kegiatannya. Di sini kerjasama dan penyerapan pengaruh PKM ke dalam pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, parti-parti politik, persatuan-persatuan pemuda, wanita, kesatuan sekerja dan sekolah malam Cina adalah sangat jelas sekali. Gerakan PKM ini mendapat sokongan dan kerjasama dengan jelas daripada *All Council of Joint Action (AMCJA)*, *Malayan Labour Party*, *Malayan Party*, *Women League Association*, *Youth League Association* dan kesatuan-kesatuan

sekerja (Rashid Maidin, 2005; Lt.Col.(R)Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows, 2007). Mereka secara kolektif menentang British, UMNO dan Raja-raja Melayu yang sedang berunding untuk menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu melalui Perjanjian Persekutuan 1948 bagi menggantikan Malayan Union. Pihak PKM dan sekutunya mahu supaya kerakyatan secara *jus soli* Malayan Union diterima sedangkan UMNO dan Raja-raja Melayu mahu kekalkan *status quo* politik Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. British, kerana faham dengan agenda perjuangan PKM, telah menolak PKM dan sekutunya, tetapi sebaliknya bekerjasama dengan UMNO dan Raja-Raja Melayu. Inilah yang menaikkan kemarahan PKM sehingga mengangkat senjata awal 1948. Chin Peng dan PKM bertanggungjawab kepada perancangan secara ketenteraan setelah gagal menjalankan kegiatan politiknya melalui perlembagaan (Ahmad Boestamam,1974; *Pelita Malaya*,5 April 1946; Cheah, 1978).

British mengistiharkan Undang-undang Darurat pada bulan Jun 1948. Dengan itu terharamlah semua parti politik yang menentang British. Bukan sahaja PKM dan kesatuan sekerja yang militan, tetapi juga Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Namun semasa membuat kajian, didapati banyak pihak yang terlibat dan mereka yang bersimpati dengannya, telah menyalahkan UMNO dan Dato' Onn, Presidennya, apabila ramai pemimpin PKMM ditangkap atau melarikan diri kedalam hutan. Ramai juga diantara mereka apabila menulis memoir setelah keluar daripada hutan dan tinggal di luar Malaysia dan tidak kurang juga yang tinggal di Malaysia, melihat UMNO sebagai 'anjing penjajah', 'tali barut atau pengampu penjajah' dan menyalahkan UMNO apabila mereka ditangkap (Ahmad Boestamam,1976). Namun di satu sudut lain boleh juga dianalisis bahawa mereka juga terikat dan digunakan oleh Parti Komunis Malaya untuk dijadikan kawan dan diperkudakan bagi mencapai matlamat PKM. Mereka juga boleh dilihat sebagai talibarut PKM dan ejen Indonesia yang cuba menjadikan Tanah Melayu sebagai sebahagian



daripada Indonesia Raya atau Melayu Raya. Ahmad Boestamam, Ibrahim Haji Yaakob dan Dr. Burhanuddin mengakui hal ini dan menjadi penggerak kepada ide ini dari tahun 1944-1965 (Ahmad Boestamam, 1972; Ramlah Adam, 2009; Mohamed Salleh Lamry, 2006).

Sebenarnya, pergerakan menentang penjajah British untuk mempertahankan kemerdekaan negeri dan bangsa, bukan baru dalam sejarah negara ini. Ia juga bukan dimulai oleh PKM atau PKMM dan sekutunya sebagai perintis awal. Gerakan itu telah ada sejak kurun ke-19 di bawah Dol Said, Maharaja Lela, Bahaman dan kemudian pada kurun ke-20 pula di bawah Abdul Rahman Embong, Tok Janggut dan lain-lainnya. Di Sarawak pula di bawah nama Sharif Mashhor, Rentap dan lain-lain kegiatan menentang James Brook, telah berlaku bertali arus. Di Sabah pula dibawah Mat Salleh dan ramai lagi pejuang anak negeri telah memperlihatkan hal yang sama. Dalam fasa kedua gerakan kebangsaan, ianya lebih bersifat sederhana melalui gerakan Islah, persatuan-persatuan sosial, bahasa dan sastera. Hanya selepas Perang Dunia Kedua, gerakan perjuangan itu bersifat politik melalui pertubuhan parti-parti politik dan ide menentang penjajah seperti PKMM dan UMNO. Oleh itu tidak siapapun boleh mendabik dada menobatkan diri sebagai perintis atau pembela bangsa dan negara kecuali kesemua pihak yang telah menjadi pendokong kegiatan itu secara bergilir-gilir sejak kurun ke-19. Ia adalah satu perjuangan yang berterusan dan dilakukan oleh semua pihak yang sayangkan bangsa dan negerinya.

Namun, untuk menjadi seorang nasionalis atau parti nasionalis, pendekatan dan matlamat perjuangan mestilah berasas kepada kebangsaan bangsa itu dan mempunyai matlamat untuk kemerdekaan tanah airnya sebagai sebuah negara yang berdaulat dan ditadbir oleh anak bangsanya sendiri. Ini semua dicapai melalui proses 'self-determination' yang kukuh dan didokong oleh anak negeri itu sendiri. Jika ini dijadikan kayu ukur, ternyata terdapat pendekatan dan matlamat yang amat berbeza di antara kedua kumpulan politik di atas. Seperti di atas juga,

PKMM adalah tajaan PKM, tetapi UMNO adalah tajaan orang Melayu daripada seluruh Semenanjung yang berkongres di Kuala Lumpur pada Mac 1946. Pihak kiri dan radikal, seperti biasa menuduh UMNO ditaja oleh British, tetapi tidak ada dokumen yang boleh menyokongnya seperti sejalas pengakuan Ahmad Boestamam, Rashid Maidin, Chin Peng, Abdullah C.D. dan Suriani Abdullah dan pengkaji-pengkaji lain dalam tulisan-tulisan mereka tentang inisiatif dan campurtangan PKM menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan surat khabarnya *Suara Rakyat* di Ipoh pada 17 Ogos 1945. Rashid Maidin sendiri mengakui penglibatannya bukan sahaja dalam PKMM tetapi juga mempengaruhi golongan pendidikan agama di Madrasah Al-Syarif, Gunung Semanggul, untuk mengikuti perjuangan PKM sebagai cara menentang British, sehingga melahirkan sebuah parti Islam yang bergerak bersama-sama dengan PUTERA-AMCJA dan PKM. Parti itu yang ditubuhkan pada bulan Februari 1948 kemudian terharam di bawah Undang-undang Darurat 1948 (Rashid Maidin, 2005; Nabir Abdullah, 1976; Ramlah Adam, 2008).

Pihak British meneruskan rancangan Malayan Unionnya pada 1 April 1946 sedangkan UMNO ditubuhkan pada 11 Mei 1946; Raja-raja Melayu dan UMNO tidak menyokong Malayan Union dan tidak hadir dalam perlantikan Edward Gent sebagai Gabenor Malayan Union tetapi PKMM dan PKM menyokong penubuhan Malayan Union dan hadir di dalam majlis itu. Orang Melayu yang menyokong penubuhan UMNO mempunyai slogan 'Tanah Melayu untuk Melayu', satu pernyataan kebangsaan yang amat jitu; ia tidak mahu berkongsi dengan sesiapa dan melihat perjuangannya adalah untuk tanah airnya sendiri. Dato' Onn dan UMNO menolak gabungan dengan Indonesia sejak awal lagi, sedangkan itulah cita-cita tersirat Kesatuan Melayu Muda (KMM), PKMM, API dan AWAS (Ramlah Adam, 2009).

UMNO juga tidak diperkudakan oleh British menggunakan British untuk mendapatkan kehendak politik mereka dengan cara yang diterima oleh British iaitu berunding dan bermesyuarat. Walaupun begitu penentangan mereka kepada Malayan Union tetap tegas dan tidak berganjak. Mereka tidak mengangkat senjata tetapi telah berunding dengan British dan mengadakan rapat-rapat umum secara aman untuk membantah Malayan Union dibandar-bandar besar. Mereka juga menghantar surat bantahan ke Pejabat Tanah Jajahan di London, untuk menolak Malayan Union. Mereka juga menggunakan akhbar-akhbar bahasa Inggeris dan Melayu untuk memberi pandangan dan bantahan mereka kepada masyarakat dan penduduk lain di Tanah Melayu. Malah golongan radikal kerana strategi politik selamat, telah menyokong penubuhan UMNO di Johor Bahru pada 11 Mei 1946. Dr. Burhanuddin dan PKMM menjadi diantara mereka yang menandatangani Piagam UMNO. Namun, tiga bulan kemudian keluar daripada UMNO dan bekerjasama secara aktif dengan PKM. Maknanya, bukan PKMM dan para pemimpinnya termasuk Shamsiah Fakeh tidak sedar apa yang berlaku, tetapi sebaliknya terus mengikut rentak PKM, yang menjadi penajanya. Apabila British membubarkan Malayan Union, itulah tanda kekalahan PKMM dan PKM untuk mendapat sokongan British dan orang Melayu yang jumlahnya lebih besar di dalam UMNO daripada dalam PKMM. Sebab itulah kemarahannya kepada UMNO yang dianggap 'anjing penjajah' tidak dapat dibendungnya, tambahan pula apabila pemimpin-pemimpin utamanya seperti Ahmad Boestaman, Abu Bakar Al-Baqir dan 140 yang lain ditangkap dibawah Undang-undang Darurat 1948 (Mohamed Salleh Lamry, 2007; Rashid Maidin, 2005).

Shamsiah Fakeh, Wahi Annuar, Musa Ahmad dan Zainab Ali, dapat menyembunyikan diri di Lubuk Kawah, Temerloh. Di sini, Musa Ahmad dapat bergerak dan mengumpulkan penyokong-penyokong PKMM, API, PETA, BATAS (Barisan Tani Malaya) membentuk pasukan Lashkar

Rakyat di kalangan sekutunya dan penduduk kampung yang bersimpati. Dengan sokongan ramai, mereka membuat keputusan untuk berjuang secara gerila. Dengan keputusan itulah Shamsiah Fakeh masuk ke dalam hutan. Beliau semasa itu telah berkahwin dengan Wahi Annuar, pemimpin **PETA** (Ikatan Pembela Tanah Air) daripada Pahang. Shamsiah telah menggerakkan AWAS di kalangan wanita Melayu di Lubuk Kawah, Temerloh. Penduduk di kawasan sekitarnya ini memang terkenal sebagai penyokong dan anggota Rejimen 10. Dengan itu kerjasama antara AWAS dan Rejimen 10 tidaklah menghairankan. Shamsiah dan suaminya Wahi Annuar ikut serta gerombolan PKM itu. Mereka bergerak ke dalam hutan bagi menentang terus British dan menolak UMNO yang dianggap tidak 'revolusiner'. Inilah pendirian Shamsiah Fakeh.

Pendiriannya ini berbeza dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy, pemimpin PKMM yang menggantikan Mokhtaruddin Lasso yang dikatakan telah kembali ke Jawa. Dr. Burhanuddin tidak masuk ke dalam hutan, beliau sebaliknya pindah ke Singapura kerana di sana PKMM masih lagi halal. Cuma apabila beliau terlibat dalam demonstrasi menentang tindakan Mahkamah Tinggi Singapura menjadikan semula Natrah, seorang anak angkat yang nama asalnya Maria Hertogh, kembali kepada agama Kristian, maka barulah Dr. Burhanuddin dipenjarakan oleh British. Beliau menerimanya dan tidak melarikan diri dan mengikut ajakan PKM. Beliau kemudian menjadi pemimpin PAS pada 1956 sehingga ke akhir hayatnya pada 1969.

Begitu juga dengan Ahmad Boestamam. Beliau telah ditangkap oleh British dan dipenjarakan selama tujuh tahun di beberapa penjara sehinggalah dibebaskan pada tahun 1955. Beliau mungkin tidak ada pilihan kerana telah ditangkap dengan serta merta. Ini kerana kedudukan dan penglibatannya yang amat jelas dalam menentang British melalui pendekatan 'Merdeka Dengan

Darah', slogan API. Bagi British ini sangat militan dan merbahaya. Namun selepas bebas daripada penjara, Ahmad Boestamam meneruskan kegiatan politiknya secara halal dengan menubuhkan Parti Rakyat Malaya pada tahun 1955 dan dia terus bergiat dalam politik Malaysia sehingga persaraannya kerana keuzuran disekitar tahun 1980an (Ramlah Adam, 2009).

Shamsiah Fakeh masuk ke hutan kerana suaminya Wahi Anuar juga masuk ke dalam hutan. Wahi Anuar menyerah diri pada akhir tahun 1950, tetapi tidak Shamsiah Fakeh. Dia terus menetap dalam hutan dan berkahwin dengan Ibrahim Mahmud, rakan seperjuangannya. Ini bermakna Shamsiah tetap yakin dengan pendekatan dan matlamat perjuangannya; dia boleh memilih keluar mengikut Wahi Anuar; tetapi sebaliknya terus bergerak bersama anggota Rejimen 10 dan anggota PKM yang lain ke sempadan Malaysia-Thailand. Perjalanan mereka untuk ke sempadan itu bukanlah mudah. Mereka sentiasa diburu oleh pasukan British, Australia, India, Gurka, Askar Melayu dan lain-lain pasukan keselamatan. Mereka akhirnya tiba di sempadan pada 1953 setelah banyak yang terkorban kerana serangan bersenjata, kekurangan makanan, sesat dan hilang begitu sahaja. Ketua Penerangan Rejimen 10, Ibrahim Chik, juga dari Temerloh, Pahang terpisah dengan isterinya selama 12 tahun kerana tersesat didalam hutan belantara. Ramai juga yang menyerah diri tetapi Shamsiah Fakeh dan suaminya tetap tegas dengan pendirian dan pilihan mereka.

Proses untuk mendapat kerajaan sendiri dan kemerdekaan negara mula dilakukan pada 1955. Pilihanraya untuk memilih kerajaan bagi menuntut kemerdekaan telah dibuat pada Julai 1955. Tengku Abdul Rahman sebagai Ketua Menteri, telah bertemu dengan Parti Komunis Malaya yang diketuai oleh Chin Peng dan diikuti oleh Rashid Maidin di Baling, Kedah selepas memenangi pilihanraya tersebut. Pertemuan sehari itu tidak menghasilkan apa-apa kecuali ketegasan PKM untuk terus bergerak. PKM menolak perletakan senjata, pengampunan bersyarat

dan enggan membubarkan parti seperti cadangan kerajaan Parti Perikatan (Rashid Maidin, 2005). Keputusan PKM ini diakui oleh Shamsiah Fakeh dan semua penyokong PKM walaupun di mata mereka jelas sekali rakyat Persekutuan Tanah Melayu daripada pelbagai bangsa telah memilih demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan sebagai modus operandi pentadbiran negara.

Shamsiah Fakeh sedar dengan semua perkara ini. Sebab itu pada tahun 1956, beliau dan suaminya memilih untuk menjadi tetamu Parti Komunis China dan bertuankan Mao Tze-tung, pemimpin Komunis dunia yang sangat terkenal itu. Alasannya berhijrah ke China kerana beliau dihantar untuk belajar selok-belok Kominisme untuk membolehkan lebih ramai orang Melayu dapat ditarik dalam PKM. Alasan ini membuktikan bahawa beliau memang tetap yakin dan kagum dengan fahaman itu dan pemimpinnya Mao Tze-tung sebagai tonggakunya. Sedangkan dalam masa yang sama, negara tanah kelahirannya sedang bergerak mencapai kemerdekaan. Malah, Shamsiah meninggalkan kawan-kawannya yang lain seperti Rashid Maidin, Abdullah C.D. dan anggota Rejimen 10 yang menjadikan sempadan Thailand-Malaysia sebagai pusat operasi mereka sehingga tahun 1989 iaitu tarikh perdamaian dengan kerajaan Malaysia. Dengan itu Shamsiah tidak lagi terlibat dalam kegiatan-kegiatan menentang pasukan keselamatan Malaysia yang beroperasi di kawasan-kawasan tersebut bagi mengatasi pengaruh Komunis yang didokong oleh kumpulannya. Mengikut pengakuan Rashid Maidin, bahawa `dalam tempoh 1973-1976, di sektor timur laut kawasan sempadan tersebut terdapat dua pasukan besar dari Rejimen 10 iaitu pasukan induk (markas) dan Pasukan Penggempur ke 15. Pasukan Penggempur 14 telah beroperasi di Ulu Kelantan` (Rashid Maidin, 2005).

Dalam satu pertemuan saya dengan Rashid Maidin di Weng, Thailand, iaitu perkampungan baru yang dikhaskan untuk bekas-bekas anggota PKM, saya bertanya kepada Rashid Maidin, yang ketika itu telah berusia dalam lingkungan 70an. Soalan saya:

“Perjuangan Pak Rashid ialah untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu, tetapi mengapa tidak menyokong kemerdekaan pada 1957?”

Dia hanya tersenyum sumbing. Mungkin dia malas menjawab atau jawapannya itu akan menimbulkan polimik. Susah nak diduga. Tetapi di hujung pertemuan dia membisikkan dengan perlahan, “Bukan seperti kehendak kami”. Sayang sekali kaki saya telah melangkah masuk ke dalam van yang akan membawa kami pulang ke Malaysia. Namun, kata-katanya cukup memperlihatkan inti dan semangat perjuangan lamanya tetap tersemat dihatinya. Begitu juga dengan Shamsiah Fakeh dan suaminya. Semasa pengistiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957, beliau menetap di China.

Sifat patriotik atau nasionalisme bagi Shamsiah juga tidak wujud dihatinya pada tahun 1960an. Dia tidak membela kepentingan negaranya tetapi tetap mendokong perjuangannya yang selari dengan perjuangan Komunis sedunia. Pada 1965, beliau dan suaminya telah dihantar oleh Parti Komunis China induk kepada Parti Komunis Malaya, untuk membantu Parti Komunis Indonesia yang sedang berkuasa melalui S.M. Aidit, Setiausaha Agung PKI dan S. Subandrio, Menteri Luar Indonesia. Di bawah pengaruh mereka ini Sukarno mengamalkan NASAKOM (Nasionalisme, Sosialisme dan Kominisme) sebagai dasar pentadbirannya. Di masa itu juga, Sukarno telah menjalankan dasar Ganyang Malaysia kerana tidak bersetuju dengan pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Sukarno melihat penubuhan Malaysia adalah satu neo-colonialisme tajaan blok barat iaitu British, Amerika Syarikat dan United Nation. Gabungan daerah-daerah di utara Pulau Borneo dilihat sebagai satu tandingan kepada keselamatan dan keagungan Indonesia yang selama ini adalah negara yang terbesar dan terluas wilayahnya di kepulauan Asia Tenggara. Namun apa yang paling penting ialah kuasa barat akan terus dapat memantau dan mengawal aspek keselamatan, perdagangan dan perlaburan kawasan ini

walaupun mereka bukan lagi penjajah. Dengan itu pengaruh Kominisme tidak akan dibenarkan menguasai kawasan ini. Inilah salah satu sebab penting mengapa Malaysia ditubuhkan oleh British.

Shamsiah Fakeh menjadi penyokong kepada Gerakan Ganyang Malaysia itu. Sebagai pemimpin sebuah pertubuhan yang dinamakan Liga Pembebasan Nasional Malaya, yang ditubuhkan khas untuk menjalankan propaganda menentang Malaysia, Shamsiah Fakeh telah memainkan peranannya di kalangan kaum wanita Indonesia. Ini adalah salah satu strategi perang saraf untuk menentang penubuhan Malaysia. Bukan dia sahaja yang terlibat tetapi juga tokoh-tokoh politik seangkatan dan seperjuangan dengannya ditahun 1945 dalam PKMM dan PKM juga turut sama-sama mengganyang Malaysia, negara asal mereka. Sama ada mereka yang tinggal di Indonesia ataupun yang masih tinggal di Malaysia, mereka bersama-sama menentang penubuhan Malaysia dengan alasan yang pelbagai tetapi tetap sama-sama bergerak menentang Malaysia. Ibrahim Haji Yaakob, Ahmad Boestamam, Dr. Burhanuddin Al-Helmy dan ramai lagi pengikut mereka terlibat dan setuju dengan dasar menentang penubuhan Malaysia.

Ibrahim Haji Yaakob, pemimpin Kesatuan Melayu Muda (KMM) dan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) telah pun mendapat naungan politik di Indonesia pada tahun 1945. Beliau ke Indonesia kerana semasa Jepun berkuasa di Tanah Melayu pada tahun 1942-1945, Ibrahim adalah ketua orang Melayu yang bersekongkol dengan Jepun untuk membawa Tanah Melayu merdeka di bawah Indonesia Raya (atau Melayu Raya). Ibrahim telah pun berunding dengan Sukarno dan Dr. Hatta untuk tujuan tersebut. Kedua-dua mereka telah pun melawat Ibrahim dan Dr. Burhanuddin di Taiping untuk membuat perundingan itu. Pengistiharan kemerdekaan Indonesia bersama Tanah Melayu itu telah dirancang pada 17 Ogos 1945 tetapi ini tidak kesampaian kerana Sukarno dan rakan-rakannya telah mengistiharkan kemerdekaan



Indonesia pada 15 Ogos 1945, iaitu pada hari penyerahan diri tanpa syarat pihak Jepun kepada pihak Bersekutu. Ibrahim yang bimbang ditangkap telah pergi ke Indonesia pada hari yang sama. Beliau kemudian dilantik sebagai orang penting dalam pentadbiran dan ketenteraan Indonesia.

Pada tahun 1960-1967, Ibrahim dilantik sebagai Ahli Majlis Permesyuaratan Rakyat Riau. Ini memberi peluang kepadanya untuk memberi nasihat dan membuat perancangan menentang Malaysia dari daerah Indonesia yang paling hampir dengan Semenanjung. Pasukan-pasukan tentera Indonesia yang mendarat di daerah-daerah pantai Johor adalah dari Riau. Pengalaman dan kedudukan Ibrahim sebagai Leftenan-Kernel Tentera Indonesia di Jogjakarta, petugas khas bagi Jaksa Agung Republik Indonesia di Hague, Belanda, Ketua Cawangan Parti Nasional Indonesia bagi Daerah Jakarta Pusat dan tuan punya Bank Pertiwi, tentulah meyakinkan kesetiaannya yang tidak berbelah bagi kepada Indonesia. Malah semasa beliau berjumpa dengan Tengku Abdul Rahman pada 1955 di Jakarta, Ibrahim dengan tegas memberitahu Tengku bahawa konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya adalah yang terbaik bagi politik Melayu. (Abd.Latiff Abu Bakar, 2003). Pendirian yang berbeza dengan Tengku Abdul Rahman itu telah memisahkan kesetiaan Ibrahim kepada tanah kelahirannya, Tanah Melayu. Ibrahim menjadi salah seorang tokoh yang terlibat dengan usaha untuk menjatuhkan Malaysia oleh pihak Indonesia secara aktif. Adakah itu sikap seorang nasionalis?

Begitu juga dengan Ahmad Boestamam, bekas pemimpin API. Ahmad Boestamam yang menjadi Ahli Parlimen bagi Gombak Selatan akibat kemenangannya dalam Pilihanraya 1959 di atas tiket Malayan Socialist Front (gabungan Parti Rakyat Malaya dan Parti Buruh Malaya), juga terlibat dalam usaha menentang penubuhan Malaysia. Dalam negara, Ahmad Boestamam menolak penubuhan Malaysia apabila dibahaskan dalam Dewan Rakyat pada Oktober 1961. Beliau menolak cadangan itu kerana ia tidak sama dengan Melayu Raya yang menjadi impiannya

selama ini. Baginya Malaysia tidak akan lengkap jika tidak menyatukan semua negara yang mempunyai rumpun Melayu, terutamanya Indonesia. Keduanya, beliau mahu kemerdekaan negeri-negeri tanah jajahan British itu diberikan dahulu, dan mereka diberi peluang menentukan hala tuju politik mereka sendiri (Federation of Malaya, Parliamentary Debates Dewan Rakyat, Jil.111, No.17, 1961; Ramlah Adam, 2009).

Pendirian Ahmad Boestamam ini selari dengan Parti Rakyat Singapura dan Parti Rakyat Brunei yang merupakan sambungan Parti Rakyat Malaya yang dipimpinnya. Tetapi kerjasama yang paling jelas adalah di antara beliau dan partinya dengan pemimpin Parti Rakyat Brunei, yang mempunyai pendirian yang selari. A.M. Azahari berharap satu konfederasi dibuat dengan Brunei sebagai ketuanya kerana dari segi sejarah, kedua-dua negeri itu adalah jajahan Kesultanan Brunei. Akibat daripada penentangan itu, A.M. Azahari dan partinya telah mengangkat senjata menentang British dan Sultan Brunei pada 1962. Gerakan ini dapat diatasi dan Azahari berlindung di bawah kerajaan Indonesia. Ahmad Boestamam pula ditahan pada 1963 dibawah *Internal Security Act (ISA)*. Beliau dituduh bekerjasama dengan Parti Komunis Indonesia untuk menjatuhkan Malaysia dan membantu Pemberontakan Brunei 1962. Perjuangan secara gerila berlaku di atas nama Tentera Kalimantan Utara dengan Pihak Komunis Indonesia menyerap masuk ke dalam pertubuhan ini sehingga menyebabkan gerakan membasmi Komunis berlaku di Sarawak pada 1960an dan 1970an.

Ternyata Gerakan Ganyang Malaysia ini bukan sahaja melibatkan Shamsiah Fakeh, Ibrahim Yaakob dan Ahmad Boestamam, tetapi juga Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Presiden PAS dan bekas pemimpin utama PKMM. Penglibatan beliau dikatakan lebih serius. Dalam satu laporan sulit yang dikenal sebagai 'A Plot Is Exsposed', Dr. Burhanuddin bersama-sama dengan Dato' Raja Abu Hanifa, Ishak Hji Mohamad, Hasnol Hadi, Dato' Kampo Rajo dan Husein Yaakob

telah berusaha untuk menubuhkan sebuah kerajaan buangan di Indonesia iaitu di Riau. Mereka merancang untuk menggunakan Persidangan Afro Asia di Karachi bagi membuat semua hubungan dengan Indonesia melalui R.M. Soenita, ejen Parti Komunis Indonesia. Manakala Husein Yaakob adalah ejen Indonesia di Kuala Lumpur. Semua perancangan ini berlaku di sekitar 1965 iaitu kemuncak gerakan Ganyang Malaysia (Federation of Malaya, Parliamentary Debates Dewan Rakyat, Vol.V, Fifth Session, Part 1, May 1963-December 1963, 15 August 1963, The Malaysian Bill; Ramlah Adam, 2003). Sebelum 1965, dalam Dewan Rakyat, Dr. Burhanuddin secara terbuka telah menentang penubuhan Malaysia atas dasar yang sama dengan Ahmad Boestamam. Mesyuarat Agong PAS juga menyokong usul cadangan Hassan Adli untuk menolak penubuhan Malaysia di Dewan Rakyat (Federation of Malaya, Parliamentary Debates Dewan Rakyat, Part II, Vol.III, Third Session, October 1961-January 1962, 'Melayu Raya', 1<sup>st</sup> May 1962; Ramlah Adam, 2003). Bagaimanapun, Dr. Burhanuddin telah hilang haknya sebagai Ahli Parlimen apabila beliau didapati bersalah oleh mahkamah kerana pecah amanah dalam Syarikat Malay-German Shipping Company. Kekecewaannya itu dilihat sebagai sebab beliau bekerjasama dengan Indonesia untuk menentang Malaysia. Pada 28 Januari Dr. Burhanuddin ditangkap, iaitu beberapa hari selepas beberapa orang kawannya dan ejen-ejen Indonesia ditangkap di Singapura. Dr. Burhanuddin ditahan dibawah ISA sehingga 1969 (Ramlah Adam, 2003).

### **Kesimpulan**

Ternyata dari semua pengesahan di atas dapat dilihat adanya satu usaha dan gerakan yang berterusan oleh Shamsiah Fakeh dan kawan-kawannya untuk menegakkan fahaman politik mereka sejak 1945 sehinggalah 1980an. Perjuangan mereka untuk menentang British bagi menuntut kemerdekaan dan membentuk Negara Melayu Raya bergerak dan terikat sama

dengan perjuangan menegakkan Kominisme oleh Parti Komunis Malaya. Perkara ini berlaku dan bergerak dengan amat jelas dan konsisten. Mereka telah bekerjasama dan saling bantu membantu sehingga adalah amat rumit untuk diasingkan dan dikatakan bahawa Shamsiah Fakeh dan kawan-kawannya dalam Rejimen 10 bukan anggota Komunis. Malah, PKMM itu sendiri diasaskan oleh Parti Komunis Malaya. Dengan bertuankan PKM, Rejimen 10 telah ditubuhkan dan dikawal selia dan diarahkan oleh Parti Komunis Malaya. Penceritaan Rashid Maidin dalam memoirnya yang bertajuk *Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian* adalah jelas sekali terdapat prinsip *mentor-mentee* dalam hubungan PKM dan PKMM dan Rejimen 10. Malah dasar ini berterusan dalam tahun 1961-1966 apabila mereka bersama-sama menentang penubuhan Malaysia melalui parti-parti politik yang dipimpin oleh kawan-kawan Shamsiah Fakeh di dalam negara dan juga di Indonesia melalui perlindungan Parti Komunis Indonesia dan Parti Komunis China. Apakah mereka dan Shamsiah Fakeh seorang nasionalis?

Terdapat satu kecenderungan yang jelas di kalangan kumpulan ini terhadap kegiatan politik mereka yang lepas. Mereka yang panjang usianya sempat menulis memoir seperti Shamsiah Fakeh, Ahmad Boestamam, Abdullah C.D., Rashid Maidin, Ibrahim Chik dan pemimpin utama mereka Chin Peng. Dalam tulisan-tulisan mereka, ternyata mereka mempertahankan tindakan mereka dengan alasan-alasan tertentu di samping memberi penafsiran tersendiri terhadap kegiatan mereka tanpa rasa bersalah. Malah ada yang sangat berbangga dengan peranan yang telah dimainkan. Mereka menceritakan sesuatu yang amat positif dan sentiasa menyalahkan British sebagai penjajah. Mereka tidak lagi mengutuk kerajaan Perikatan atau Tengku Abdul Rahman dan UMNO seperti tulisan-tulisan mereka dalam tahun 1940an dan 1950an. Mereka juga tidak membangkitkan soal penentangan mereka kepada Malaysia dan kerjasama mereka dengan Parti Komunis Indonesia dan Parti Komunis China untuk mengganyang Malaysia.

Mereka memilih kisah-kisah tertentu sahaja untuk dipaparkan kepada generasi hari ini. Ada juga penceritaan yang bersifat retorik dan memutar belitkan peristiwa sejarah dan faktanya. Mereka menulis bahawa mereka adalah perajurit-perajurit yang membebaskan negara, lantas memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu. Pandangan dan tulisan mereka ini mudah dipercayai oleh sesetengah generasi hari ini yang tidak terlibat dalam perjuangan lepas ataupun tidak membaca dan meyelidikinya dengan terperinci.

Sejarah dikatakan ditulis oleh orang yang menang, tetapi pada hari ini orang-orang yang kalah dalam perjuangannya seperti PKM, PKMM, API dan AWAS pula menulis sejarah seolah-olah mereka adalah orang yang menang dalam perjuangannya. Dengan itu, ternyata tujuannya menulis adalah untuk menegakkan kemenangan moralnya walaupun fakta-fakta sejarah telah ditunggang-terbalikkan. Kalau Karl Marx memang berniat membela proletariat atau golongan tertindas tetapi janganlah pula yang tertindas itu menjadi pembohong, pemalsu fakta dan memusingkan nilai-nilai patriotisme dan nasionalisme yang dipegang oleh manusia sejagat. Memang pendapat itu subjektif tetapi dasar-dasar kebenaran tetap ada untuk direnungkan.

## **References**

Ahmad Boestamam. (1972). *Merintis Jalan Ke Puncak (Carving the Path to the Peak)*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.

Ahmad Boestamam. (1976). *Tujuh Tahun Malam Memanjang (Seven Years Without a Day)*. Kuala Lumpur: Amir Enterprise.

Aishah Ghani. (1992). *Memoir Seorang Pejuang (The Memoirs of a Fihghter)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aloysius Chin. (1994). *The Communist Party of Malaya The Inside Story*. Kuala Lumpur: Vinpress.

Cheah Boon Kheng. (1983). *Red Star Over Malaya*. Singapore: SUP.

Rashid Maidin. (2005). *Memoir Rashid Maidin: Daripada Perjuangan Bersenjata Kepada Perdamaian (The Memoirs of Rashid Maidin: From the Guerilla Warfare to the Peaceful Agreement)*. Kuala Lumpur: Nin Lin Press.

Ramlah Adam. (2009). *Ahmad Boestamam Satu Biografi Politik* (Ahmad Boestamam A Political Biography). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (2003). *Burhanuddin Al-Helmy Suatu Kemelut Politik* (Burhanuddin Al-Helmy A Political Conflict). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (1998). *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu* (A Political Conflict of The Malay Peninsular). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ramlah Adam. (2009). *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra* (A Political Biography of Tunku Abdul Rahman Putra). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ramlah Adam. (2003). *Pejuang-Pejuang Kemerdekaan* (The Independent Heroes). Melaka: IKSEP.

Mohamed Salleh Lamry. (2006). *Gerakan Kiri Melayu dalam Perjuangan Kemerdekaan*, (The Leftist Malay's Movement in the Independence Struggle). Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

Brian Stewart (2004). *Smashing Terrorism in the Malayan Emergency The Vital contribution of the Police*. Subang Jaya, Selangor, Malaysia: Pelanduk Publications Sdn.Bhd.

Lt.Col.(R) Mohd Azzam Mohd Hanif Ghows (2007). *The Malayan Emergency Revisited 1948-1960 A Pictorial History*. Kuala Lumpur: AMR Holding Sdn Bhd and Yayasan Pelajaran Islam

Richard Stubbs. (1990). *Hearts and Minds In Guerilla Warfare: The Malayan Emergency 1948-1960*. Singapore: Oxford University Press.

Roy Follows with Hugh Popham (1990). *The Jungle Beat Fighting Terrorist in Malaya 1952-1961*. London, England: Cassell.

---

ramlahadam@salam.uitm.edu.my